

Guru yang inovatif mewujudkan pengajaran berkesan dalam meningkatkan kualiti pendidikan.

[GAMBAR HIASAN]



E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

Pendidik perlu rebut peluang tingkat tahap profesionalisme

Pada sesi cuti persekolahan baru-baru ini, penulis dikehendaki mengajar sekumpulan guru dari Sabah dan Sarawak yang sedang mengikuti program sarjana dalam pelbagai bidang. Mereka berkampung di kampus selama seminggu untuk mengikuti kuliah dengan jadual padat.

Semangat mereka untuk belajar sememangnya cukup hebat. Mereka mengorbankan cuti sekolah dan mengharungi kepayahan menyambung pelajaran. Tekad meningkatkan tahap profesionalisme keguruan memang dikagumi.

Peluang menyambung pengajian itu memenuhi kehendak pembelajaran sepanjang hayat yang menyediakan ruang bagi mereka meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan kompetensi. Semua aspek itu penting dalam melahirkan

generasi holistik sesuai dengan apa dinyatakan dalam Lonjakan Ketiga, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), PPPM(PT) 2015-2025.

Peranan guru dilihat signifikan dalam merealisasikan pelan berkenaan, bertepatan dengan keperluan Kementerian Pendidikan yang menyarankan guru melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Tingkat profesionalisme

Berdasarkan statistik tahun 2015, 80 peratus daripada 450,000 guru di seluruh negara mempunyai kelulusan ijazah sarjana muda. Maka, pendidik harus rebut peluang tawaran pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan tahap profesionalisme masing-masing. Pengalaman sedia ada membantu mereka dalam sesi pembelajaran bagi menangani ca-

baran dengan lebih praktikal.

Malahan cabaran itu diperlukan dalam era pendidikan abad ke-21 yang mementingkan pembangunan modal insan berkualiti. Tanggungjawab guru bukan semata-mata mendidik tetapi mereka harus bertanggungjawab untuk sentiasa memperbaharui kualiti pembelajaran.

Antara pengetahuan yang perlu diperoleh ialah penguasaan ilmu, pedagogi yang berkesan; ilmu mengenai pelajar, psikologi pembelajaran, kemahiran kaunseling dan penguasaan ICT. Semuanya dapat dipelajari melalui pembelajaran sepanjang hayat.

Transformasi itu memupuk semangat cintakan ilmu dan menggalakkan golongan pendidik berinovatif dalam mewujudkan pengajaran berkesan. Namun, ia memerlukan komitmen guru. Kemahiran, tahap

pengetahuan dan pembabitan diperlukan guru dalam hal ini. Guru perlu jelas dengan matlamat pembelajaran sepanjang hayat dan memastikan sesi pembelajaran berjalan lancar serta mampu menguruskan pembelajaran sendiri. Mereka perlu bersedia mental dan fizikal dalam menempuhi cabaran sebagai pelajar.

Beri guru sokongan

Justeru, guru yang mempunyai inisiatif mengikuti program pembelajaran sepanjang hayat seharusnya diberikan sokongan. Mereka perlu diberikan bantuan dari segi kemudahan memilih kursus bersesuaian mengikut keperluan semasa. Sokongan juga boleh diberikan dalam bentuk biasiswa, cuti bergaji, kelonggaran masa menghadiri kuliah dan menduduki peperiksaan.

Bagaimanapun, mereka boleh memilih kursus yang menarik minat dan dapat memberi nilai tambah kepada pengetahuan sedia ada. Mereka juga seharusnya dibenarkan mengikuti kursus formal atau tidak formal ditawarkan pelbagai institusi pendidikan.

Dr Siti Mistima Maat,
Fakulti Pendidikan, **UKM**